

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN
DEWAN RAKYAT MESYUARAT KETWO, PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KESEBELAS**

PERTANYAAN : LISAN

TARIKH : 5 Julai 2006

SOALAN

YB Tuan Donald Peter Mojuntin (Penampang) minta MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT menyatakan adakah rancangan Kementerian untuk mewujudkan kembali seksyen-seksyen yang berkaitan dengan perlindungan kanak-kanak dalam Akta Perlindungan Wanita dan Gadis 1973 yang telah dimansuhkan setelah Akta Kanak-Kanak 2001 dikuatkuasakan dan apakah seksyen-seksyen tersebut.

JAWAPAN

Tuan Yang Di Pertua, Terlebih dahulu saya mengalu-alukan keprihatinan Ahli Yang Berhormat berkaitan dengan kebajikan dan hal ehwal kanak-kanak di negara ini kerana perkara ini adalah selaras dengan Konvensyen Mengenai Hak Kanak-Kanak atau dengan izin, "Convention on the Rights of the Child (CRC)" yang telah diratifikasi oleh Malaysia pada tahun 1995. Oleh yang demikian, pihak Kerajaan komited dalam memberi tumpuan terhadap kebajikan dan kehidupan kanak-kanak yang menjurus kepada kehidupan (survival), perkembangan (development), perlindungan (protection) dan penyertaan (participation) kanak-kanak. Akta Perlindungan Wanita dan Gadis 1973 telah dimansuhkan bersama-sama dengan Akta Juvana dan Akta Perlindungan Kanak-Kanak 1991 setelah Akta Kanak-Kanak 2001 (AKK 2001) dikuatkuasakan. Secara umumnya AKK 2001 diwujudkan bagi menyatukan undang-undang yang berkaitan dengan pemeliharaan, perlindungan dan pemulihan kanak-kanak dan untuk memasukkan peruntukan-peruntukan baru yang lebih baik supaya kanak-kanak diberi perlindungan dan bantuan yang diperlukan. Sehubungan itu, seksyen-seksyen yang berkaitan dengan perlindungan kanak-kanak di bawah Akta Perlindungan Wanita dan Gadis 1973 tidak perlu diwujudkan semula memandangkan peruntukan berkaitan perlindungan kanak-kanak yang terkandung di dalam AKK 2001 adalah menyeluruh. Pada masa sekarang, Kementerian ini sedang menimbang cadangan meminda AKK 2001 bertujuan menambah baik peruntukan sedia ada bagi menjaga kepentingan kanak-kanak selaras dengan Konvensyen Mengenai Hak Kanak-Kanak yang telah diratifikasi oleh Kerajaan Malaysia pada tahun 1995. Jawapan Disediakan Oleh:- 1) Nama : Encik Harjeet Singh 2) Jawatan : Ketua Penolong Setiausaha (DPM) 2 3) Bahagian : Dasar (Pembangunan Masyarakat) 4) No. Tel : 03-26930095 ext. 4024 Jawapan Disemak Oleh:- 1) Nama : Puan Margaret Ho 2) Jawatan : Setiausaha Bahagian Dasar Jawapan Diluluskan Oleh:- 1) Nama : Encik Abas Abdul Rahman 2) Jawatan : Timbalan Ketua Setiausaha (O)

